

*Semoga tabun ini kita beroleh lebih ilmu dan amal dalam menyulub kehidupan sebarian.*

# Salam Maal Hijrah

**TENAGA NASIONAL**  
Better. Brighter.

## Serpihan BUK pada pesawat

BH  
14/10/2015  
mls 4

INFO

IMEJ BENTUK KEMUSNAHAN MELALUI SIMULASI MODEL PELEDAK PELURU BERPANDU 40KG



» Kesan cat sama seperti peledak peluru berpandu buatan Russia

“Sistem senjata yang digunakan juga dapat dikenal pasti menerusi corak pada bangkai pesawat, penemuan serpihan pada bangkai pesawat dan badan anak kapal dan cara bagaimana pesawat itu berpecah,” katanya.

Serpihan peluru berpandu darat ke udara BUK yang digunakan untuk menembak

jatuh pesawat MH17 di ruang udara Ukraine pada tahun lalu turut dijumpai di badan anak kapal pesawat itu.

Laporan akhir MH17 yang dikeluarkan oleh Lembaga Keselamatan Belanda (DSB) semalam berkata, serpihan yang dijumpai itu mempunyai kesan cat sama seperti peledak peluru berpandu BUK.

“DSB dapat mengenalpasti punca sebenar nahas kejadian berdasarkan beberapa sumber dengan antaranya penemuan serpihan tajam di badan anak kapal.



**Disokong data kokpit**

Laporan itu berkata, penemuan berkenaan disokong oleh data daripada perakam penerbangan di mana perakam suara kokpit (CVR) merakamkan bunyi kemuncak pada miliary terakhir.

Katanya, kesan cat pada beberapa serpihan peluru berpandu yang dijumpai adalah sepadan dengan cat pada bahagian peluru berpandu yang ditemui di kawasan itu.

Mengulas mengenai impak letupan ke atas penumpang, laporan itu berkata letupan itu sama sekali tidak dijangka menyebabkan penumpang hampir tidak menyedari kejadian berkenaan berlaku.


Katanya, tidak diketahui dengan tepat pada waktu bila penumpang

mati, tetapi yang pasti tiada seorang pun mangsa terselamat ketika pesawat MH17 terhempas ke darat.

“Jelas, tiada masa untuk sebarang tindak balas. Mereka yang berada di dalam pesawat terdedah

kepada faktor yang amat ekstrim secara mendadak. Bagaimanapun, faktor itu mungkin tidak sama terhadap semua penumpang secara serentak kerana kedudukan tempat duduk masing-masing.

“Kebanyakan penumpang mengalami kecederaan serius akibat faktor itu... yang membawa kepada kematian. Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan masa sebenar mereka mati,” katanya.



# Kegagalan Ukraine tutup ruang udara antara punca

**Kuala Lumpur:** Kegagalan Ukraine menutup ruang udaranya daripada operasi pesawat komersial, meskipun mempunyai alasan kukuh untuk berbuat demikian disifatkan antara punca tragedi MH17.

Laporan akhir MH17 diterbitkan Lembaga Keselamatan Belanda (DSB) mendedahkan timur Ukraine berdepan konflik senjata, sejak April tahun lalu sehingga menyebabkan beberapa pesawat tentera-na ditembak jatuh.

Malah, ketegangan itu terus memuncak sehingga hari MH17 dibedil peluru berpandu ketika melintasi ruang udara wilayah Donetsk, timur Ukraine pada 17 Julai tahun lalu, sekali gus mengor-

bankan 285 penumpang dan 15 kru.

Pengerusi DSB, Tjibbe Joustra, berkata trafik ruang udara timur Ukraine, khususnya antara 14 hingga 17 Julai tahun lalu sesak dengan operasi pesawat komersial, membabitkan 61 operator syarikat penerbangan dari 32 negara.

**MH17 tepati peraturan**

Malah, katanya, tiada operator syarikat penerbangan menjangkakan pesawat mereka akan ditembak ketika berada pada altitud jajap atau ketinggian tetap ketika di udara.

“Sebanyak 160 pesawat komersial melalui ruang udara sama di mana MH17 ditembak jatuh, iaitu dari hari tragedi sehingga ia ditu-

tup untuk laluan kapal terbang komersial.

“Semua persediaan dan operasi penerbangan MH17 menepati peraturan, malah Belanda yang dikategorikan sebagai negara pesawat itu berlepas tiada tanggungjawab untuk menentukan laluan MAS.

“Ukraine mempunyai alasan kukuh untuk menutup seluruh ruang udara di timur negaranya sebagai langkah pencegahan, sebaliknya larangan itu hanya terhad kepada aktiviti darat dan penerbangan pada altitud rendah,” katanya.

Laporan akhir MH17 setebal 279 muka surat antara lain menjelaskan keputusan menutup ruang udara Ukraine hanya untuk kepen-

tingan pesawat tentera.

Ukraine pada awalnya mengemukakan larangan penggunaan ruang udara di bawah 26,000 kaki (7,925 meter) bagi memisahkan operasi penerbangan pesawat tentera dan komersial, selain menangani ancaman serangan dari darat.

**Ubah larangan**

Tiga hari sebelum tragedi MH17, iaitu 14 Julai tahun lalu, pusat kawalan trafik udara awam menukar larangan penggunaan ruang udara sedia ada kepada 32,000 (9,754 meter), namun tiada penjelasan di sebalik perubahan itu.

Bagaimanapun, Ukraine tidak mematuhi panduan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa

(ICAO) untuk memaklumkan perubahan larangan itu kepada juruterbang.

Penjelasan dikemukakan dalam Laporan Akhir MH17 adalah kerana tiada penjelasan dikemukakan terhadap perubahan larangan penggunaan ruang udara dari 26,000 kaki (7,925 meter) kepada 32,000 (9,754 meter).

Selain itu, berdasarkan maklumat pihak berkuasa Ukraine yang disertakan dalam Laporan Akhir MH17, pesawat Antonov (An-26) dan Sukhoi Su-25, masing-masing ditembak jatuh pada 14 dan 16 Julai tahun lalu pada ketinggian di luar jarak berkesan Sistem Pertahanan Udara Mudah Alih Manusia (MANPAD).